



MALAYSIA

**Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA**

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 54
No. 22

1hb November 2010

*TAMBAHAN No. 116
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 367.

AKTA BIOKESELAMATAN 2007

PERATURAN-PERATURAN BIOKESELAMATAN (KELULUSAN DAN
PEMBERITAHUAN) 2010

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Ketidakpakaian
3. Tafsiran
4. Fi

BAHAGIAN II

JAWATANKUASA KEINSTITUSIAN BIOKESELAMATAN

Peraturan

5. Penubuhan jawatankuasa keinstitusian biokeselamatan

BAHAGIAN III

**KELULUSAN BAGI APA-APA AKTIVITI PELEPASAN DAN PENGIMPORTAN
ORGANISMA DIUBAH SUAI YANG HIDUP**

6. Permohonan bagi kelulusan
7. Fi permohonan tidak dikembalikan
8. Pengakuteraiman penerimaan permohonan

BAHAGIAN IV

PERAKUAN KELULUSAN

9. Pengeluaran perakuan
10. Perubahan terma-terma dan syarat-syarat perakuan
11. Kelulusan perubahan
12. Penggantian perakuan
13. Penyerahhakan atau pemindahan perakuan
14. Kelulusan untuk menyerahhakkan atau memindahkan perakuan
15. Aktiviti selain yang baginya perakuan dikeluarkan

BAHAGIAN V

PEMBERITAHUAN

16. Pemberitahuan aktiviti
17. Penarikan balik pemberitahuan
18. Pengakuteraiman penerimaan pemberitahuan
19. Pembetulan kepada pemberitahuan

BAHAGIAN VI

RAYUAN

20. Notis rayuan

BAHAGIAN VII**PELBAGAI****Peraturan**

21. Arahan
22. Penyenggaraan daftar
23. Pemberhentian pengiraan tempoh masa
24. Perubahan alamat dalam perakuan yang dikeluarkan
25. Pertimbangan sosioekonomi

JADUAL PERTAMA**JADUAL KEDUA****JADUAL KETIGA**

AKTA BIOKESELAMATAN 2007

PERATURAN-PERATURAN BIOKESELAMATAN (KELULUSAN DAN
PEMBERITAHUAN) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 69(a), (b), (c), (g), (h) dan (l) Akta Biokeselamatan 2007 [*Akta 678*], Menteri, selepas berunding dengan Lembaga, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Biokeselamatan (Kelulusan dan Pemberitahuan) 2010**.
(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 November 2010.

Ketidakpakaian

2. Peraturan-Peraturan ini tidak terpakai bagi—
 - (a) hasilan organisma sedemikian yang farmaseutikal dan ditangani oleh triti antarabangsa atau organisasi yang berkaitan, atau dikawal selia di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan farmaseutikal; dan
 - (b) teknik dan aktiviti kegunaan terkawal berhubung dengan organisma diubah suai yang hidup sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Tafsiran

3. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“perakuan” ertinya perakuan kelulusan yang dikeluarkan oleh Lembaga di bawah subseksyen 16(3) Akta;

“kelas” berhubung dengan suatu aktiviti yang melibatkan bioteknologi moden ertinya empat kelas Tahap Biokeselamatan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

Fi

4. (1) Fi yang kena dibayar di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(2) Fi hendaklah dibayar kepada Ketua Setiausaha Kementerian yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi sumber asli dan alam sekitar mengikut cara sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

BAHAGIAN II

JAWATANKUASA KEINSTITUSIAN BIOKESELAMATAN

Penubuhan jawatankuasa keinstitusian biokeselamatan

5. (1) Lembaga boleh, dalam menjalankan fungsinya di bawah perenggan 5(1)(b) dan subseksyen 5(2) Akta, mengarahkan mana-mana organisasi yang menjalankan penyelidikan dan pembangunan bioteknologi moden untuk menubuhkan suatu jawatankuasa keinstitusian biokeselamatan bagi maksud—

- (a) mengadakan panduan bagi penggunaan selamat bioteknologi moden;
- (b) mengawasi aktiviti yang berhubungan dengan bioteknologi moden;
- (c) mewujudkan dan mengawasi pelaksanaan dasar dan tatacara bagi maksud mengendalikan organisma diubah suai yang hidup; dan
- (d) menentukan kelas Tahap Biokeselamatan bagi aktiviti kegunaan terkawal bagi maksud penyelidikan dan pembangunan bioteknologi moden yang dijalankan dalam kemudahan di mana jawatankuasa keinstitusian biokeselamatan ditubuhkan.

(2) Jawatankuasa keinstitusian biokeselamatan yang telah ditubuhkan atas arahan Lembaga di bawah subperaturan (1) hendaklah didaftarkan dengan Lembaga mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(3) Mana-mana organisasi yang tidak mematuhi arahan yang dibuat di bawah subperaturan (1) dan (2) melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN III

KELULUSAN BAGI APA-APA AKTIVITI PELEPASAN DAN PENGIMPORTAN ORGANISMA DIUBAH SUAI YANG HIDUP

Permohonan bagi kelulusan

6. (1) Tiap-tiap permohonan bagi kelulusan—

- (a) apa-apa aktiviti pelepasan, atau apa-apa pengimportan organisma diubah suai yang hidup hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah;
- (b) apa-apa aktiviti pelepasan bagi maksud sebagaimana yang dinyatakan di bawah butiran 1 Jadual Kedua Akta hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah melalui jawatankuasa keinstitusian biokeselamatan,

dan hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan.

(2) Seseorang pemohon hendaklah mempunyai tempat tinggal, premis perniagaan atau dalam hal keadaan seorang ejen, mempunyai alamat untuk penyampaian di Malaysia.

- (3) Pemohon hendaklah memastikan bahawa permohonan itu—
- (a) lengkap; dan
 - (b) tidak mengandungi apa-apa kesilapan atau mengandungi apa-apa perubahan yang tidak dibenarkan.
- (4) Jika permohonan itu dibuat tidak mengikut kehendak yang dinyatakan di bawah subperaturan (1), Ketua Pengarah boleh enggan untuk memproses permohonan itu dan—
- (a) hendaklah mengehendaki supaya permohonan itu dipinda atau dilengkapkan dan dikemukakan semula; atau
 - (b) hendaklah menghendaki supaya suatu permohonan baru dikemukakan.
- (5) Jika pemohon tidak mematuhi subperaturan (4), permohonan itu hendaklah dianggap sebagai ditarik balik tetapi tidak menjelaskan hak pemohon untuk membuat permohonan yang baru mengikut peraturan ini.

Fi permohonan tidak dikembalikan

7. Jika suatu permohonan dianggap sebagai ditarik balik di bawah subperaturan 6(5) atau pemohon menarik balik permohonannya, fi yang dibayar bagi permohonan itu tidak akan dikembalikan.

Pengakuterimaan penerimaan permohonan

8. (1) Apabila menerima permohonan di bawah peraturan 6 dan selepas mempertimbangkan bahawa pemohon mematuhi subperaturan 6(3), Ketua Pengarah hendaklah menghantar suatu pengakuterimaan penerimaan kepada pemohon mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.
- (2) Ketua Pengarah hendaklah memaklumkan pemohon keputusan yang dibuat oleh Lembaga, sama ada untuk meluluskan atau menolak permohonan itu, dalam satu ratus lapan puluh hari bekerja dari tarikh pengeluaran pengakuterimaan penerimaan di bawah subperaturan (1).
- (3) Jika Lembaga tidak dapat memutuskan sama ada untuk meluluskan atau menolak permohonan itu dalam masa yang dinyatakan dalam subperaturan (2), Lembaga boleh melanjutkan masa itu tetapi pelanjutan itu tidak boleh melebihi enam puluh hari bekerja.

BAHAGIAN IV

PERAKUAN KELULUSAN

Pengeluaran perakuan

9. (1) Jika permohonan bagi kelulusan di bawah peraturan 6 diluluskan, Lembaga boleh mengeluarkan suatu perakuan dan boleh mengenakan terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Lembaga dalam mengenakan terma-terma dan syarat-syarat menurut subseksyen 16(4) dan 30(3) Akta boleh mempertimbangkan faktor yang berikut:

- (a) skop aktiviti yang dibenarkan;
- (b) maksud yang baginya aktiviti itu boleh dijalankan;
- (c) perubahan kepada skop atau maksud aktiviti itu;
- (d) kehendak pendokumentasian dan penyimpanan rekod;
- (e) tahap kawalan yang dikehendaki berkenaan dengan aktiviti itu;
- (f) kehendak pelupusan sisa;
- (g) langkah-langkah untuk menguruskan risiko yang ditimbulkan kepada kesihatan dan keselamatan manusia atau alam sekitar;
- (h) pengumpulan data, termasuklah kajian yang akan dijalankan;
- (i) pengauditan dan pelaporan termasuklah, jika sesuai, syarat bagi kemasukan ke dalam premis tempat aktiviti itu dijalankan;
- (j) tindakan yang hendaklah diambil dalam hal keadaan pelepasan organisma diubah suai yang hidup dari alam sekitar terkawal;
- (k) kawasan geografi yang aktiviti yang dibenarkan itu boleh dilakukan;
- (l) pematuhan apa-apa kod amalan atau garis panduan teknikal atau tatacara yang boleh dikeluarkan;
- (m) penyeliaan dan pemantauan oleh jawatankuasa keinstitusian biokeselamatan;
- (n) perancangan kontingensi yang berhubungan dengan kesan yang tidak diniatkan bagi aktiviti dibenarkan itu;
- (o) mengehadkan penyebaran atau keberterusan organisma diubah suai yang hidup atau bahan genetiknya dalam alam sekitar;
- (p) syarat yang menghendaki orang yang diluluskan itu untuk diinsuranskan dengan memadai terhadap apa-apa kerugian, kerosakan, atau kecederaan yang boleh diakibatkan kepada kesihatan manusia, harta atau alam sekitar oleh orang yang diluluskan itu, pekhidmatnya atau ejennya.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Lembaga boleh menimbangkan apa-apa faktor lain dalam mengenakan terma-terma dan syarat-syarat yang berhubungan dengan kelulusan atau pemberitahuan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

Perubahan terma-terma dan syarat-syarat perakuan

10. (1) Walau apa pun peraturan 9, orang yang diluluskan boleh mencadangkan apa-apa perubahan apa-apa terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan ke atas kelulusan yang disebut dalam peraturan 9.

(2) Apa-apa cadangan hendaklah dikemukakan kepada Lembaga melalui Ketua Pengarah secara bertulis dan hendaklah termasuk—

- (a) tarikh yang dicadangkan untuk cadangan itu menjadi sah;
- (b) butiran terperinci cadangan itu; dan
- (c) sebab bagi perubahan itu.

(3) Selepas menerima cadangan itu, Lembaga boleh menghendaki orang yang diluluskan itu untuk mengemukakan apa-apa maklumat atau dokumen tambahan dalam tiga puluh hari bekerja dari tarikh Lembaga memberitahu orang yang diluluskan mengenai kehendak itu.

(4) Jika maklumat atau dokumen tambahan yang dikehendaki tidak dikemukakan oleh orang yang diluluskan dalam masa yang dinyatakan dalam subperaturan (3) atau apa-apa pelanjutan masa yang diberikan oleh Lembaga, permohonan itu hendaklah dianggap sebagai ditarik balik tetapi tidak menjelaskan hak orang yang diluluskan itu untuk membuat cadangan yang baru mengikut subperaturan (1).

(5) Pelanjutan masa yang disebut dalam subperaturan (4) boleh dipohon oleh orang yang diluluskan itu secara bertulis kepada Lembaga dan Lembaga boleh memberikan pelanjutan masa itu sebagaimana yang difikirkannya patut.

Kelulusan perubahan

11. (1) Ketua Pengarah hendaklah merujuk cadangan dan maklumat atau dokumen tambahan yang dikemukakan di bawah peraturan 10 kepada Jawatankuasa Penasihat atau jabatan atau agensi Kerajaan yang berkaitan bagi syor atau ulasan.

(2) Lembaga, setelah menimbangkan syor atau ulasan, jika ada, boleh meluluskan atau menolak cadangan itu dan keputusan itu hendaklah disampaikan kepada orang yang diluluskan secara bertulis.

Penggantian perakuan

12. (1) Jika perakuan hilang atau musnah, orang yang diluluskan hendaklah memaklumkan Lembaga dan membuat laporan polis dengan segera berkenaan dengan kehilangan atau kemasuhan itu.

(2) Orang yang diluluskan itu boleh membuat permohonan kepada Lembaga secara bertulis bagi penggantian perakuan dan hendaklah disertakan dengan laporan polis yang dibuat di bawah subperaturan (1).

(3) Lembaga boleh, setelah menimbangkan permohonan itu dan berpuas hati bahawa kehilangan atau kemasuhan perakuan itu tidak melibatkan apa-apa fraud, menggantikan perakuan itu dengan mengeluarkan perakuan yang sama sebagaimana perakuan yang asal dengan perkataan “PENDUA” diendors pada perakuan itu yang mengandungi nombor siri yang berbeza.

(4) Perakuan pendua yang dikeluarkan di bawah subperaturan (3) hendaklah mempunyai kesan yang sama sebagaimana perakuan asal.

Penyerahhakan atau pemindahan perakuan

13. (1) Orang yang diluluskan hendaklah memohon kepada Lembaga melalui Ketua Pengarah secara bertulis untuk menyerahhukkan atau memindahkan perakuannya dan hendaklah disertakan dengan butir-butir yang berkaitan mengenai penyerahhakan atau pemindahan yang dicadangkan itu, dan termasuklah butir-butir mengenai pemegang serah hak atau penerima pindahan yang dicadangkan.

(2) Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa selepas menerima permohonan di bawah subperaturan (1), menghendaki orang yang diluluskan itu untuk memberikan apa-apa maklumat atau dokumen lain tambahan yang berhubungan dengan permohonan itu dalam sepuluh hari bekerja dari tarikh Ketua Pengarah memberitahu orang yang diluluskan itu mengenai kehendak untuk mengemukakan maklumat atau dokumen lain tambahan itu yang berhubungan dengan permohonan itu.

(3) Jika maklumat atau dokumen lain tambahan yang dikehendaki itu tidak diberikan oleh orang yang diluluskan dalam masa yang dinyatakan dalam subperaturan (2) atau apa-apa pelanjutan masa yang diberikan oleh Lembaga, permohonan itu hendaklah dianggap sebagai ditarik balik tetapi tidak menjaskan hak orang yang diluluskan itu untuk membuat permohonan baru.

(4) Pelanjutan masa yang disebut dalam subperaturan (3) boleh dipohon oleh orang yang diluluskan secara bertulis kepada Lembaga dan Lembaga boleh memberikan pelanjutan masa sebagaimana yang difikirkannya patut.

Kelulusan untuk menyerahhakan atau memindahkan perakuan

14. (1) Lembaga hendaklah memproses permohonan yang dibuat di bawah peraturan 13 dan boleh meluluskan atau menolak permohonan itu.

(2) Keputusan Lembaga yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah dimaklumkan kepada orang yang diluluskan secara bertulis.

(3) Seseorang yang diluluskan yang menyerahhukkan atau memindahkan perakuannya tanpa kelulusan Lembaga melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan,—

(a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan; atau

(b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi dua puluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Aktiviti selain yang baginya perakuan dikeluarkan

15. (1) Seseorang yang diluluskan tidak boleh menjalankan apa-apa aktiviti pelepasan atau apa-apa pengimportan organisma diubah suai yang hidup selain yang baginya perakuan telah dikeluarkan.

(2) Seseorang yang diluluskan yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan,—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan; atau
- (b) jika orang itu ialah pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi dua puluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

BAHAGIAN V

PEMBERITAHUAN

Pemberitahuan aktiviti

16. (1) Seseorang yang menjalankan apa-apa aktiviti sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 22(1)(a) hingga (c) Akta hendaklah memberikan pemberitahuan terdahulu kepada Lembaga.

(2) Pemberitahuan yang dikehendaki di bawah perenggan 22(1)(b) dan (c) Akta hendaklah dikemukakan—

- (a) kepada Ketua Pengarah; atau
- (b) bagi maksud mengikut penubuhan jawatankuasa keinstitusian biokeselamatan di bawah subperaturan 5(1), kepada Ketua Pengarah melalui jawatankuasa keinstitusian biokeselamatan,

dan hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan.

Penarikan balik pemberitahuan

17. (1) Seseorang yang mengemukakan pemberitahuan di bawah subperaturan 16(2) hendaklah memastikan bahawa pemberitahuan itu—

- (a) lengkap; dan
- (b) tidak mengandungi apa-apa kesilapan atau mengandungi apa-apa perubahan yang tidak dibenarkan.

(2) Jika pengemukaan pemberitahuan itu dibuat tidak mengikut kehendak yang dinyatakan di bawah subperaturan (1), Ketua Pengarah boleh enggan untuk memproses pemberitahuan itu dan—

- (a) hendaklah mengehendaki supaya pemberitahuan itu dipinda atau dilengkapkan dan dikemukakan semula; atau
- (b) hendaklah menghendaki supaya suatu pemberitahuan baru dikemukakan.

(3) Jika mana-mana orang tidak mematuhi subperaturan (2), pemberitahuan itu hendaklah dianggap sebagai ditarik balik tetapi tidak menjelaskan hak orang itu untuk mengemukakan atau membuat pemberitahuan yang baru mengikut peraturan 16.

Pengakuterimaan penerimaan pemberitahuan

18. Apabila menerima pemberitahuan di bawah peraturan 16 dan setelah mempertimbangkan bahawa orang itu mematuhi peraturan 17, Ketua Pengarah hendaklah menghantar suatu pengakuterimaan penerimaan kepada orang itu mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Pembetulan kepada pemberitahuan

19. (1) Seseorang yang diluluskan hendaklah, apabila diarahkan oleh Lembaga menurut subseksyen 30(3) Akta, memaklumkan Lembaga melalui Ketua Pengarah secara bertulis mengenai apa-apa pembetulan kepada pemberitahuan itu.

(2) Selepas menerima pembetulan di bawah subperaturan (1), Lembaga boleh menghendaki orang yang diluluskan itu untuk memberikan apa-apa maklumat atau dokumen lain tambahan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga dalam lima belas hari bekerja dari tarikh Lembaga memberitahu orang yang diluluskan itu mengenai kehendak untuk mengemukakan maklumat atau dokumen lain tambahan itu.

(3) Jika maklumat atau dokumen lain tambahan yang dikehendaki itu tidak diberikan oleh orang yang diluluskan dalam masa yang dinyatakan dalam subperaturan (2) atau apa-apa pelanjutan masa yang diberikan oleh Lembaga, pembetulan itu hendaklah dianggap sebagai ditarik balik tetapi tidak menjelaskan hak orang yang diluluskan itu untuk membuat pembetulan yang baru.

(4) Pelanjutan masa yang disebut dalam subperaturan (3) boleh dipohon oleh orang yang diluluskan itu secara bertulis kepada Lembaga dan Lembaga boleh memberikan pelanjutan masa sebagaimana yang difikirkannya patut.

(5) Lembaga boleh meluluskan pembetulan itu dan apabila diluluskan, membentulkan butir-butir pemberitahuan asal atau mengarahkan supaya suatu pemberitahuan yang baru dikemukakan mengikut peraturan 16.

(6) Walau apa pun subperaturan (5), orang yang diluluskan boleh menjalankan dan meneruskan aktiviti sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu sementara menunggu keputusan daripada Lembaga.

BAHAGIAN VI

RAYUAN

Notis rayuan

20. (1) Mana-mana orang atau orang yang diluluskan yang terkilan dengan mana-mana keputusan atau tindakan Lembaga di bawah seksyen 16, 18, 19, 30, 31, 32 atau 33 Akta boleh, dalam tiga puluh hari bekerja dari tarikh keputusan telah disampaikan kepada orang atau orang yang diluluskan itu, memberikan notis kepada Menteri secara bertulis bahawa dia berniat untuk merayu terhadap keputusan itu.

(2) Perayu boleh, tidak lewat dari tiga puluh hari bekerja setelah memberikan notis di bawah subperaturan (1), mengemukakan alasan rayuan dan dokumen lain sebagaimana yang perlu bagi maksud rayuan itu.

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

Arahan

21. Ketua Pengarah, dalam menjalankan fungsi yang diwakilkan oleh Lembaga menurut seksyen 9 Akta dan dengan kelulusan Lembaga, boleh mengeluarkan arahan kepada mana-mana organisasi sebagaimana yang perlu untuk melaksanakan Peraturan-Peraturan ini.

Penyenggaraan daftar

22. Lembaga hendaklah menyenggara suatu daftar mengenai apa-apa permohonan, pemberitahuan, maklumat, butir-butir, dokumen dan apa-apa perkara lain berhubung dengan Peraturan-Peraturan ini mengikut cara sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Lembaga.

Pemberhentian pengiraan tempoh masa

23. Jika pemohon atau orang yang diluluskan diberikan tempoh masa sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta atau Peraturan-Peraturan ini untuk mengemukakan apa-apa maklumat yang dikehendaki bagi maksud Akta atau Peraturan-Peraturan ini, pengiraan tempoh masa sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen 30(4) Akta dan subperaturan 9(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah terhenti, sementara menunggu pengemukaan maklumat yang dikehendaki.

Perubahan alamat dalam perakuan yang dikeluarkan

24. Orang yang diluluskan hendaklah memaklumkan Lembaga secara bertulis mengenai apa-apa perubahan alamat dalam perakuan.

Pertimbangan sosioekonomi

25. Lembaga atau Menteri, dalam mengambil kira pertimbangan sosioekonomi menurut seksyen 35 Akta, boleh mempertimbangkan—

- (a) perubahan dalam pola sosial dan ekonomi yang sedia ada dan punca pendapatan masyarakat yang mungkin terjejas oleh kemasukan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian;
- (b) kesan kepada nilai agama, sosial, budaya dan etika masyarakat yang berbangkit daripada penggunaan atau pelepasan organisma diubah suai yang hidup atau hasilan organisma sedemikian.

JADUAL PERTAMA

(peraturan 2)

TEKNIK BERHUBUNG DENGAN ORGANISMA DIUBAH SUAI YANG HIDUP YANG KEPADANYA PERATURAN-PERATURAN INI TIDAK TERPAKAI

- (a) persenyawaan *in vitro**;
- (b) proses semula jadi termasuklah konjugasi, transduksi atau transformasi*;
- (c) percantuman sel (termasuklah pencantuman protoplas) spesies prokaryotik yang dapat menukar bahan genetik melalui rekombinan homolog**;
- (d) percantuman sel (termasuklah persenyawaan protoplas) sel mana-mana spesies eukaryotik dalam keluarga taksonomik, termasuklah pengeluaran hibridomas dan percantuman sel tumbuhan**;
- (e) swapengklonan, jika organisma yang berhasil tidak berkemungkinan menyebabkan penyakit atau bahaya kepada manusia, binatang atau tumbuhan**;
- (f) mutagenesis ***.

Nota:

- (i) *Dengan syarat bahawa teknik itu tidak melibatkan penggunaan organisma diubah suai yang hidup yang dibuat melalui teknik selain yang disenaraikan dalam perenggan (c) hingga (e) atau penggunaan molekul asid nukleik rekombinan.
- (ii) **Dengan syarat bahawa teknik itu tidak melibatkan penggunaan molekul asid nukleik rekombinan atau organisma diubah suai yang hidup selain molekul asid nukleik rekombinan atau organisma diubah suai yang hidup yang dihasilkan oleh satu atau lebih teknik di bawah perenggan (c) hingga (e).
- (iii) ***Terpakai bagi kedua-dua butiran (i) dan (ii).
- (iv) “Swapengklonan”—
 - (A) ertiinya penghapusan turutan asid nukleik daripada sel organisma yang mungkin atau tidak diikuti dengan kemasukan semula keseluruhan atau sebahagian asid nukleik itu (atau sintetik yang bersamaan dengannya), sama ada atau tidak diubah melalui proses enzim atau mekanikal, ke dalam sel daripada spesies yang sama atau ke dalam sel daripada spesies yang berkaitan rapat secara filogenetik (yang dapat menghibrid secara semula jadi) yang dapat menukar bahan genetik melalui gabungan semula homolog; dan
 - (B) boleh termasuk penggunaan vektor rekombinan, dengan sejarah lanjut penggunaan selamat dalam organisma tertentu, untuk memanipulasi dan memasukkan semula turutan asid nukleik, tetapi vektor itu tidak boleh terdiri daripada apa-apa unsur genetik selain yang dimaksudkan bagi struktur vektor, replikasi vektor, penyenggaraan vektor atau gen penanda.

**AKTIVITI KEGUNAAN TERKAWAL YANG DIKECUALIKAN
DARIPADA PEMBERITAHUAN**

<i>Butiran</i>	<i>Aktiviti</i>
1.	<p>Aktiviti dengan <i>Caenorhabditis elegans</i> dan <i>Arabidopsis</i> yang diubah suai secara genetik, kecuali—</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) faedah diberikan pada organisma oleh ubah suaian genetik itu; atau (b) akibat daripada ubah suaian genetik itu, binatang berupaya merembes atau menghasilkan agen jangkitan, toksin atau hasilan lain yang berpotensi untuk menyebabkan kesan buruk pada organisma yang hidup.
2.	<p>Aktiviti dengan organisma yang ke dalamnya sel soma yang diubah suai secara genetik telah dimasukkan, jika—</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) sel soma itu tidak berupaya untuk menimbulkan agen jangkitan akibat daripada ubah suaian genetik itu; dan (b) haiwan tidak dijangkiti dengan virus yang berupaya bergabung dengan asid nukleik yang diubah suai secara genetik dalam sel soma.
3.	<p>Aktiviti yang melibatkan sistem perumah/vektor yang disebut dalam Sistem Perumah/Vektor Yang Tidak Dikawal Selia Bagi Aktiviti Kegunaan Terkawal jika asid nukleik penderma—</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) mesti dicirikan dan tidak dikenali sebagai mengubah julat perumah atau cara pemindahan, meningkatkan virulens, kepatogenan atau kebolehpindahan perumah atau vektor; (b) mesti tidak terkod bagi toksin; dan (c) mesti tidak mengandungi turutan virus melainkan jika asid nukleik penderma— <ul style="list-style-type: none"> (i) ketiadaan sekurang-kurangnya 1 gen penting bagi pembiakan virus yang— <ul style="list-style-type: none"> (A) tiada dalam sel yang ke dalamnya asid nukleik dimasukkan; dan (B) tidak akan menjadi ada semasa aktiviti; dan (ii) tidak berupaya untuk membetulkan kecacatan dalam sistem perumah/vektor yang akan membawa kepada penghasilan virion kompeten replikasi; dan (d) mesti tidak menyebabkan ubah suaian onkogenik.
4.	<p>Aktiviti yang melibatkan pengklonan <i>shot-gun</i>, atau persediaan koleksi cDNA, dalam sistem perumah/vektor yang disebut dalam butiran 1 Sistem Perumah/Vektor Yang Tidak Dikawal Selia Bagi Aktiviti Kegunaan Terkawal, jika asid nukleik penderma tidak diperoleh daripada sama ada—</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) patogen; atau (b) organisma yang menghasilkan toksin.

**SISTEM PERUMAH/VEKTOR YANG TIDAK DIKAWAL SELIA BAGI
AKTIVITI KEGUNAAN TERKAWAL**

<i>Butiran</i>	<i>Kelas</i>	<i>Perumah</i>	<i>Vektor</i>
1.	Bakteria	<p><i>Escherichia coli</i> K12, <i>E. coli</i> B atau <i>E. coli</i> C – apa-apa derivatif yang tidak mengandungi—</p> <p>(a) faj mentransduzi am; atau</p> <p>(b) gen yang boleh melengkapkan kecacatan konjugasi dalam plasmid tidak konjugatif</p> <p><i>Bacillus</i> – spesies tertentu – strain asporogenik dengan frekuensi balikan kurang daripada 10^{-7}—</p> <p>(a) <i>B. amyloliquefaciens</i>;</p> <p>(b) <i>B. licheniformis</i>;</p> <p>(c) <i>B. punilus</i>;</p> <p>(d) <i>B. subtilis</i>;</p> <p>(e) <i>B. thuringiensis</i>.</p> <p><i>Pseudomonas putida</i> – strain KT 2440</p> <p><i>Pseudomonas putida</i> – strain KT 2440</p> <p><i>Streptomyces</i> – spesies tertentu—</p> <p>(a) <i>S. aureofaciens</i>;</p> <p>(b) <i>S. coelicolor</i>;</p> <p>(c) <i>S. cyaneus</i>;</p> <p>(d) <i>S. griseus</i>;</p> <p>(e) <i>S. lividans</i>;</p> <p>(f) <i>S. parvulus</i>;</p> <p>(g) <i>S. rimosus</i>;</p> <p>(h) <i>S. venezuelae</i>.</p>	<p>1. Plasmid tidak konjugatif</p> <p>2. Bakteriofaj—</p> <p>(a) lambda;</p> <p>(b) lambdoid;</p> <p>(c) Fd atau F1 (contoh: M13).</p> <p>3. Sistem bukan vektor*</p> <p>1. Plasmid tidak konjugatif</p> <p>2. Plasmid dan faj yang julat perumahnya tidak termasuk <i>B. cereus</i>, <i>B. anthracis</i> atau apa-apa strain patogenik lain <i>Bacillus</i></p> <p>3. Sistem bukan vektor*</p> <p>1. Plasmid tidak konjugatif termasuklah plasmid diperakui; pKT 262, pKT 263, pKT 264</p> <p>2. Sistem bukan vektor*</p> <p>1. Plasmid tidak konjugatif</p> <p>2. Plasmid diperakui: SCP2, SLP1, SLP2, PIJ101 dan derivatif</p> <p>3. Aktiktinofaj phi C31 dan derivatif</p> <p>4. Sistem bukan vektor*</p>

<i>Butiran</i>	<i>Kelas</i>	<i>Perumah</i>	<i>Vektor</i>
		<i>Agrobacterium radiobacter</i> <i>Agrobacterium rhizogenes</i> – strain dilembutkan <i>Agrobacterium tumefaciens</i> – strain dilembutkan <i>Lactobacillus</i> <i>Pediococcus</i> <i>Photobacterium angustum</i> <i>Pseudoalteromonas tunicata</i> <i>Rhizobium</i> (termasuk genus <i>Allorhizobium</i>)	1. Vektor plasmid <i>non-tumorigenic Ti</i> dilembutkan, atau vektor plasmid <i>Ri</i> 2. Sistem bukan vektor*
2.	Kulat	<i>Neurospora crassa</i> – strain makmal <i>Pichia pastoris</i> <i>Saccharomyces cerevisiae</i> <i>Schizosaccharomyces pombe</i> <i>Trichoderma reesei</i>	1. Semua vektor 2. Sistem bukan vektor*
3.	Kapang lendir	<i>Spesies dictyostelium</i>	1. Vektor pengangkut <i>dictyostelium</i> , termasuklah yang berasaskan plasmid endogenus Ddp1 dan Ddp2 2. Sistem bukan vektor*
4.	Kultur Tisu	Kultur sel binatang atau manusia (termasuklah pembungkusan titisan sel)	1. Plasmid tidak konjugatif 2. Vektor bukan virus, atau vektor virus cacat yang tidak berupaya untuk mentransduksi sel manusia 3. Vektor avipox (strain vaksin lemah) 4. Baculovirus (<i>Autographa californica</i> nuclear polyhedrosis virus), polyhedron minus 5. Sistem bukan vektor*

<i>Butiran</i>	<i>Kelas</i>	<i>Perumah</i>	<i>Vektor</i>
		Kultur sel tumbuhan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Vektor plasmid <i>Ti</i> dilembutkan <i>non-tumorigenic</i>, atau vektor plasmid <i>Ri</i> dalam <i>Agrobacterium tumefaciens</i>, <i>Agrobacterium radiobacter</i> atau <i>Agrobacterium rhizogenes</i> 2. Vektor virus tidak patogenik 3. Sistem bukan vektor*

Catatan:

1. *Berhubung dengan sistem bukan vektor, perumah yang diluluskan boleh juga digunakan dalam ujikaji jika DNA dimasukkan ke dalam sel perumah tanpa menggunakan vektor biologi (sistem bukan vektor) (sebagai contoh, melalui cara mekanikal, elektrikal atau lain), dengan syarat bahawa DNA —

- (a) tidak diperoleh daripada mikroorganisma yang berupaya untuk menyebabkan penyakit dalam manusia, binatang atau tumbuhan, melainkan jika DNA yang hendak dimasukkan dicirikan sepenuhnya dan tidak akan meningkatkan virulens perumah atau vektor;
- (b) tidak terkod bagi toksin bagi vertebrat dan bukan onkogen;
- (c) mesti tidak termasuk sekuens virus melainkan jika asid nukleik penderma—
 - (i) ketiadaan sekurang-kurangnya 1 gen penting bagi pembiakan virus yang—
 - (A) tiada dalam sel yang ke dalamnya asid nukleik dimasukkan; dan
 - (B) tidak akan menjadi tersedia semasa aktiviti; dan
 - (ii) tidak berupaya membetulkan kecacatan dalam sistem perumah/vektor yang membawa kepada penghasilan kompeten replikasi.

2. Senarai kecualian bagi Pemberitahuan termasuk apa-apa Sistem Perumah-Vektor yang tersedia secara komersial yang memenuhi kriteria sebagaimana yang dinyatakan dalam butiran 1.

JADUAL KEDUA

(peraturan 3)

KELAS AKTIVITI YANG MELIBATKAN BIOTEKNOLOGI MODEN

<i>Kelas</i>	<i>Perihalan</i>
TBK1	Aktiviti tanpa atau yang berisiko sedikit sahaja, yang baginya tahap 1 kawalan adalah sesuai untuk melindungi kesihatan manusia dan alam sekitar.
TBK2	Aktiviti yang berisiko rendah, yang baginya tahap 2 kawalan adalah sesuai untuk melindungi kesihatan manusia dan alam sekitar.

Kelas	Perihalan
TBK3	Aktiviti yang berisiko sederhana, yang baginya tahap 3 kawalan adalah sesuai untuk melindungi kesihatan manusia dan alam sekitar.
TBK4	Aktiviti yang berisiko tinggi, yang baginya tahap 4 kawalan adalah sesuai untuk melindungi kesihatan manusia dan alam sekitar.

Catatan:

“TBK” ertinya tahap biokeselamatan sebagaimana yang diiktiraf oleh piawaian antarabangsa.

JADUAL KETIGA

(perenggan 4)

FI

Peruntukan	Aktiviti pelepasan	Fi (RM)
Perenggan 6(1)(a)	<ul style="list-style-type: none"> (a) pembekalan atau tawaran untuk membekalkan bagi jualan atau meletakkan dalam pasaran; (b) tawaran sebagai cenderamata, hadiah atau barang percuma; (c) pelupusan; (d) tujuan pemulihan; (e) apa-apa aktiviti lain yang tidak terjumlah kepada kegunaan terkawal kecuali bagi pelepasan lapangan komersil. 	<ul style="list-style-type: none"> 5000 5000 5000 5000 5000
Perenggan 6(1)(b)	<p>Tujuan penyelidikan dan pembangunan dalam semua lapangan ujikaji setapak pelupusan—</p> <ul style="list-style-type: none"> Kurang daripada 5 ha 5 ha – 10 ha Lebih daripada 10 ha 	<ul style="list-style-type: none"> 100 250 500

Dibuat 25 Oktober 2010
[NRE 44/4/1/18; PN(PU²)666/II]

DATO SRI DOUGLAS UGGAH EMBAS
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

BIOSAFETY ACT 2007**BIOSAFETY (APPROVAL AND NOTIFICATION) REGULATIONS 2010**

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I**PRELIMINARY****Regulation**

1. Citation and commencement
2. Non-application
3. Interpretation
4. Fees

PART II**INSTITUTIONAL BIOSAFETY COMMITTEE**

5. Establishment of an institutional biosafety committee

PART III**APPROVAL FOR ANY RELEASE ACTIVITY AND IMPORTATION
OF LIVING MODIFIED ORGANISMS**

6. Application for approval
7. Application fee not refundable
8. Acknowledgement of receipt of application

PART IV**CERTIFICATE OF APPROVAL**

9. Issuance of certificate
10. Variation of the terms and conditions of certificate
11. Approval of variation
12. Replacement of certificate
13. Assignment or transfer of certificate

Regulation

14. Approval to assign or transfer certificate
15. Activities other than for which the certificate is issued

PART V

NOTIFICATION

16. Notification of activities
17. Withdrawal of notification
18. Acknowledgement of receipt of notification
19. Rectification to notification

PART VI

APPEAL

20. Notice of appeal

PART VII

MISCELLANEOUS

21. Directives
22. Maintenance of register
23. Cessation of calculation of period of time
24. Change of address in the certificate issued
25. Socio-economic considerations

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

THIRD SCHEDULE

BIOSAFETY ACT 2007
BIOSAFETY (APPROVAL AND NOTIFICATION) REGULATIONS 2010

IN exercise of the powers conferred by paragraphs 69(a), (b), (c), (g), (h) and (l) of the Biosafety Act 2007 [Act 678], the Minister, upon consultation with the Board, makes the following regulations:

PART I
PRELIMINARY
Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Biosafety (Approval and Notification) Regulations 2010**.
- (2) These Regulations come into operation on 1 November 2010.

Non-application

2. These Regulations shall not apply to—
 - (a) products of such organisms which are pharmaceuticals and addressed by relevant international treaties or organizations, or regulated under any other written laws relating to pharmaceuticals; and
 - (b) techniques and contained use activities in relation to living modified organisms as specified in the First Schedule.

Interpretation

3. In these Regulations—

“certificate” means the certificate of approval issued by the Board under subsection 16(3) of the Act;

“classes” in relation to an activity involving modern biotechnology means four classes of Biosafety Levels as specified in the Second Schedule.

Fees

4. (1) The fees to be paid under these Regulations shall be as specified in the Third Schedule.
- (2) The fees shall be paid to the Secretary General of the Ministry charged with the responsibility for natural resources and environment in a manner as the Director General may direct.

PART II

INSTITUTIONAL BIOSAFETY COMMITTEE

Establishment of an institutional biosafety committee

5. (1) The Board may, in exercising its functions under paragraph 5(1)(b) and subsection 5(2) of the Act, direct any organization that undertakes modern biotechnology research and development to establish an institutional biosafety committee for the purpose of—

- (a) providing guidance for safe use of modern biotechnology;
- (b) monitoring activities relating to modern biotechnology;
- (c) establishing and monitoring the implementation of policies and procedures for the purpose of handling living modified organisms; and
- (d) determining the classes of Biosafety Levels for contained use activity for the purpose of modern biotechnology research and development undertaken within a facility where the institutional biosafety committee is established.

(2) The institutional biosafety committee which has been established upon the direction of the Board under subregulation (1) shall be registered with the Board in a manner as the Board may determine.

(3) Any organization who fails to comply with the direction made under subregulations (1) and (2) commits an offence.

PART III

APPROVAL FOR ANY RELEASE ACTIVITY AND IMPORTATION OF LIVING MODIFIED ORGANISMS

Application for approval

6. (1) Every application for approval of—

- (a) any release activity, or any importation of living modified organism shall be submitted to the Director General;
- (b) any release activity for the purpose as specified under item 1 of the Second Schedule of the Act shall be submitted to the Director General through the institutional biosafety committee,

and shall be accompanied by the prescribed fee.

(2) An applicant shall have a place of residence, business premises or in the case of an agent, with an address for service in Malaysia.

- (3) The applicant shall ensure that the application—
(a) is complete; and
(b) does not contain any error or contain any unauthorized alteration.
- (4) If the application is being made not in accordance with the requirements specified under subregulation (1), the Director General may refuse to process the application and—
(a) shall require that it is to be amended or to be completed and to be resubmitted; or
(b) shall require that a fresh application be submitted.
- (5) If the applicant fails to comply with subregulation (4), the application shall be treated as withdrawn but it shall not affect the right of the applicant to make a fresh application in accordance with this regulation.

Application fee not refundable

7. Where an application is treated as withdrawn under subregulation 6(5) or an applicant withdraws his application, the fee paid for the application shall not be refunded.

Acknowledgement of receipt of application

8. (1) Upon receipt of the application under regulation 6 and after considering that the applicant complies with subregulation 6(3), the Director General shall send to the applicant an acknowledgement of receipt in a manner as the Director General may determine.

(2) The Director General shall inform the applicant of the decision made by the Board, whether to approve or refuse the application, within one hundred and eighty working days from the date of the issuance of the acknowledgement of receipt under subregulation (1).

(3) If the Board is unable to decide whether to approve or refuse the application within the time as specified in subregulation (2), the Board may extend the time but the extension shall not exceed sixty working days.

PART IV**CERTIFICATE OF APPROVAL****Issuance of certificate**

9. (1) Where the application for approval under regulation 6 is granted, the Board may issue a certificate and may impose such terms and conditions as the Board thinks fit.

(2) The Board in imposing such terms and conditions pursuant to subsections 16(4) and 30(3) of the Act may consider the following factors:

- (a) authorized scope of the activity;
- (b) purposes for which the activity may be undertaken;
- (c) variations to the scope or purposes of the activity;
- (d) documentations and record-keeping requirements;
- (e) required level of containment in respect of the activity;
- (f) waste disposal requirements;
- (g) measures to manage risks posed to the health and safety of human or the environment;
- (h) data collection, including studies to be conducted;
- (i) auditing and reporting including, where appropriate, condition for entry into premises where the activity is being undertaken;
- (j) actions to be taken in the case of release of living modified organisms from a contained environment;
- (k) geographical area in which the authorized activity may occur;
- (l) compliance with any code of practice or technical or procedural guideline that may be issued;
- (m) supervision and monitoring by the institutional biosafety committee;
- (n) contingency plan relating to unintended effects of the authorized activity;
- (o) limiting the dissemination or persistence of the living modified organisms or its genetic material in the environment;
- (p) conditions requiring the approved person to be adequately insured against any loss, damage, or injury that may be caused to human health, property or the environment by the approved person, his servants or agents.

